

PANDUAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

DINAS



Putra Namamu Teratas
2022/2023

Edisi 24



JEE 0041

SMK TUNKU PUTRA

**KM 12, JALAN BESAR, TONGKANG PECHAH,
83010 BATU PAHAT, JOHOR.**



jee0041@moe.edu.my



07 - 4151030



07 - 4154086

ISI KANDUNGAN

BIL	BUTIRAN / PERKARA	MUKA SURAT
1	Sekapur Sireh	3
2	Sejarah Sekolah	4
3	Lencana, Visi, Misi, Moto, Slogan	6
4	Falsafah, Matlamat, Objektif, Dasar Sekolah dan Ikrar Murid	7
5	Lagu Sekolah dan PPPM	8
6	Piagam Pelanggan , Dasar Pentadbiran dan Pengurusan Sekolah	9
7	Standard 1 : Kepimpinan	16
8	Standard 2 : Pengurusan Organisasi	31
9	Standard 3.1 : Pengurusan Kurikulum	48
10	Standard 3.2 : Pengurusan Kokurikulum	61
11	Standard 3.3 : Pengurusan Hal Ehwal Murid	91
12	Standard 4 : Pembelajaran dan Pemudahcaraan	107
13	Lampiran A – KPI dan Hala Tuju Sekolah	118
14	Lampiran B – Pakej Mata Pelajaran	119
15	Lampiran C – Jadual Guru Bertugas Mingguan	120
16	Lampiran D – Penyerahan Fail Rekod	123
17	Lampiran E – Jadual Penghantaran Fail Rekod Mengajar	125
18	Lampiran F – Pencerapan Buku Latihan / Buku Kerja	126
19	Lampiran G – Penggal Persekolahan Tahun 2022/2023	129
20	Lampiran H – Senarai Guru Tingkatan	130
21	Lampiran I – Senarai Nama, Alamat dan No Telefon Guru & AKP	132
22	Lampiran J – Pelan Sekolah	136
23	Takwim Persekolahan Sesi 2022 / 2023	138

SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Perpaduan

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana DINAS PUTRA 2022 berjaya diterbitkan untuk panduan seluruh warga PUTRA.

Umum mengetahui, amalan pendidikan yang sesuai dengan generasi abad ke-21 telah banyak diperkatakan dan mampu memenuhi harapan dan keperluan pendidikan masa kini dan masa depan. Selaras dengan Gelombang 3 (2021-2025) iaitu MENGANJAK KE ARAH KECEMERLANGAN MELALUI PENINGKATAN TADBIR-URUS KENDIRI, DINAS PUTRA terus menjadi sumber rujukan dan panduan kepada warga pendidik dan kakitangan SMK Tunku Putra. Kandungan DINAS PUTRA yang lengkap dengan carta dan struktur organisasi merupakan kaedah pengagihan tugas yang seimbang dan mampu dilunaskan dengan penuh tanggungjawab oleh warga PUTRA. Panduan yang lengkap dan menyeluruh ini diharap akan membantu warga PUTRA untuk merancang, menyusun, melaksana, memantau dan menganalisis keberkesanan bagi setiap program sesuai dengan transformasi Pendidikan Abad ke-21.

Menyedari kepentingan guru memahami dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan pembelajaran abad ke-21, DINAS PUTRA dirangka supaya impian setiap warga PUTRA untuk mencapai visi “ ke arah peningkatan prestasi akademik, kokurikulum dan sahsiah murid” benar-benar dapat direalisasikan. Selaras dengan visi sekolah, penekanan kepada aspek kualiti guru sudah tentu memainkan peranan yang amat penting. Oleh itu, semua warga PUTRA harus berusaha meningkatkan kualiti PdPc selain berganding bahu mencurahkan masa, tenaga, idea dan keintelektualan bagi memacu kecemerlangan sekolah dalam setiap aspek sama ada dalam bidang akademik, kokurikulum mahupun sahsiah.

Abad ke-21 dipacu oleh ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan, pertukaran maklumat yang pantas dan kederasan arus teknologi komunikasi yang menghendaki sistem pendidikan baru di seluruh dunia. Pada abad ke-21, pendidikan semestinya berfokus kepada usaha untuk membentuk modul insan secara menyeluruh dari segi moral, intelektual, fizikal, sosial dan astetik. Pelajar perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran baru bagi memastikan survival dan kejayaan, selaku individu, anggota masyarakat dan rakyat bagi sebuah negara, justeru, pengurusan dan pentadbiran sekolah yang berkualiti dan holistik akan dapat mengubah landskap warganya ke arah pencapaian yang berintegriti, berkesan dan cemerlang.

Akhir kata, diharapkan SMK TUNKU PUTRA akan dapat melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran kepimpinan, komunikasi, kreatif, dan inovatif bertepatan dengan slogan ‘PUTRA NAMAMU TERATAS’

*(HJ AHMAD FADZIL BIN YA'ANI)
Pengetua SMK Tunku Putra*

SEJARAH SEKOLAH

SMK Tongkang Pechah, Batu Pahat telah dibina pada tahun 1967 dengan perbelanjaan atau kos berjumlah RM360,000.00 dan mula beroperasi pada 1hb. Mei 1969. Ia terletak 12 kilometer dari Bandar Batu Pahat/ Penggaram. Penubuhan sekolah ini adalah atas desakan penduduk kampung Seri Medan yang mahukan sebuah sekolah menengah di kawasanya. Sebelum ini tidak terdapat sekolah menengah di kawasan ini. Beberapa tokoh tempatan telah berusaha kearah penubuhannya khasnya Tun Dr. Awang bin Hassan (wakil Parlimen Muar Selatan), Dato' Haji Mohd Noor bin Jumaat (Penghulu Mukim 4), Syed Esa bin Syed Alwi (Wakil Parlimen Batu Pahat). Tapak pembinaan sekolah menengah ini yang luasnya 22 ekar telah dibeli daripada seorang peniaga Cina bernama Tan Ya berhampiran persimpangan ke Seri Medan dan Parit Sulong. Nama sekolah diberi berasaskan peristiwa tongkang yang sarat membawa muatan bijih timah dari Jambi, Sumatera telah pecah di kuala sungai yang kemudiannya dikenali sebagai Sungai Tongkang Pechah. Nama SMK Tongkang Pechah telah ditukar kepada SMK Tunku Putra pada 1 Januari 2006.

Bangunan terawal mengandungi 12 bilik darjah, bilik Ekonomi Rumah Tangga (ERT). Pejabat Pentadbiran dan bilik guru. Bilangan murid ketika itu ialah 169 orang yang berasal dari kawasan sekitar Pekan Tongkang Pechah, Kampung Parit Lahak, Kampung Parit Ju, Kampung Belemam, Kampung Bindu dan Kampung Mohd Noor. Pada tahun 1974, SMK Tongkang Pechah mendapat sebuah bangunan tambahan, dan pada tahun 1988 mendapat dua buah bangunan tambahan. Pada tahun 1993, bilangan muridnya berjumlah 936 orang dan persekolahan dilaksanakan pada sesi pagi sahaja. Pada tahun 1995, persekolahan dilaksanakan dalam dua sesi kerana jumlah muridnya yang terus meningkat. Pada tahun 2000 sekolah ini telah dinaik taraf dengan bermulanya Tingkatan Enam aliran sains dan juga aliran sastera. Pada peringkat permulaan ini jumlah murid tingkatan enam adalah 41 orang. Pada tahun 2004 dengan adanya tambahan blok-blok baru, persekolahan dijalankan satu sesi sahaja.

Murid aliran Melayu sekolah ini mula menduduki peperiksaan SRP (Sijil Rendah Pelajaran) pada tahun 1970, manakala murid aliran Inggeris menduduki peperiksaan LCE (Lower Certificate of Education) pada tahun 1972. Mulai tahun 2014, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan bagi menggantikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1993. Pada tahun 1982, tingkatan empat aliran sastera telah dibuka di sekolah ini dan mereka menduduki peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) pada tahun 1983. Tingkatan empat aliran sains pula dibuka di sekolah ini pada tahun 1989 dan menduduki peperiksaan SPM pada tahun 1990 dengan kelulusan 100%.

Pada tahun 2001 sekolah ini mendapat sebuah makmal komputer dan mula beroperasi pada tahun 2003. Pada tahun 2002, sekolah ini mendapat tiga buah bangunan tambahan baru yang mengandungi enam buah makmal sains, Pusat Sumber Sekolah, Pejabat Guru, Pejabat Pentadbiran dan 16 buah bilik darjah P & P. Bangunan tambahan yang baru ini dilengkapi banyak kemudahan alat pendingin hawa dan telah dibuka pada tahun 2004 yang terdiri daripada blok F,G,H dan sebuah surau baru turut dibina dan boleh digunakan pada tahun 2005 hasil sumbangan daripada guru-guru, ibubapa dan PIBG dengan kos RM 70K. Pada tahun 2008 rumah guru siap dibina dengan kos RM1.5 juta tetapi diambil alih oleh IAB cawangan selatan pada tahun 2009 kerana tiada guru yang berminat tinggal di rumah tersebut dengan kebenaran KPM sehingga 2014.

Sekarang, SMK Tunku Putra mempunyai 117 orang guru, 17 anggota kakitangan pelaksana (9 orang bertugas di makmal-makmal sains dan 6 orang bertugas di pejabat sekolah), 7 orang pekerja pembersihan swasta dan 4 orang pengawal keselamatan swasta. Bilangan murid kini berjumlah 1525, orang. Sekolah-sekolah sumber terdiri daripada sekolah-sekolah yang berhampiran seperti:

- a. SK Parit Bilal
- b. SK Seri Telok
- c. SK Bindu
- d. SK Bukit Rahmat
- e. SK Seri Binjai
- f. Sekolah Rendah Agama Bersepadu
- g. SJK (C) Buloh
- h. SJK (C) Chem Hwa
- i. SJK (C) Chung Hwa Seri Medan
- j. SJK (C) Li Chun
- k. SJK (C) Sulong
- l. SJK (C) Tongkang
- m. SMK Dato Sulaiman (Tg6)
- n. SMK Penghulu Saat (Tg6)
- o. SMK Sri Medan (Tg6)

SMK Tunku Putra telah menawarkan banyak pilihan mata pelajaran kepada murid-murid menengah atas (Tingkatan 4, 5 dan 6) iaitu Aliran Sains dan Teknologi serta Sastera.

Mata pelajaran MPV (Pemprosesan Makanan) mula diperkenalkan di sekolah ini pada tahun 2007 manakala ICT/SK mulai tahun 2008. Pada tahun 2008 SMKTP telah melahirkan murid MPV yang pertama (SMPV 2008) dan murid ICT/SK pada tahun 2009.

SMK Tunku Putra, telah diterajui oleh beberapa orang pengetua yang berpengalaman dan berwibawa iaitu:

<u>Bil</u>	<u>Nama Pengetua</u>	<u>Tarikh Mula</u>	<u>Hingga</u>	<u>Tarikh Semasa</u>
1	Johar b Abu Bakar	Jun 1969	Hingga	Disember 1979
2	Yusof b Karto	1 Januari 1980	Hingga	31 Ogos 1982
3	Karbaze Singh	1 September 1982	Hingga	30 November 1983
4	Lim Yong Siew	1 Disember 1983	Hingga	28 Februari 1985
5	Hj. Alias b Abdul Rahman	1 Mac 1985	Hingga	15 September 1988
6	Hj. Baharudin b Samian	15 September 1988	Hingga	28 Februari 1989
7	Hj. Ahmad b Wagiman	1 Mac 1989	Hingga	15 Februari 1993
8	Hj. Mohd Seni b Hussin	16 Februari 1993	Hingga	31 Januari 1995
9	Hj. Umar b Kamari	1 Februari 1995	Hingga	15 Disember 1998
10	Hjh. Hamdiah bt Hussain	16 Disember 1998	Hingga	14 Mei 2004
11	Hj. Marsono b Legino	16 Mei 2004	Hingga	30 April 2006
12	Hj. Msduki b Hj Shahri	15 Mei 2006	Hingga	31 Disember 2011
13	Hjh. Ramlah binti Sapuan	01 Januari 2012	hingga	31 Disember 2012
14	Hj. Jumali bin Ahmad	01 Januari 2013	hingga	01 April 2015
15	En Abd Rahman bin Mohd Hasan	15 Oktober 2015	hingga	15 Mei 2018
16	En Yazid bin Zawawi	16 Mei 2018	hingga	20 November 2020
17	Hj Ahmad Fadzil bin Ya'ani	21 November 2020	hingga	kini

LENCANA SEKOLAH



Lencana sekolah diperkenalkan pada tahun 1969. Ia berbentuk bujur yang membawa maksud kesediaan menerima sebarang perubahan untuk memajukan masyarakat. Di dalam lencana ini tertulis moto sekolah "MAJU" yang memperlihatkan sikap ingin maju dalam setiap bidang. Lencana ini mempunyai 4 warna yang membawa maksud tersendiri.

Warna hitam melambangkan keberanian dalam menghadapi cabaran dan halangan

Warna putih melambangkan kesucian, semangat dan kemahuan

Warna biru muda melambangkan sikap rasional dan kebolehan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah

Warna biru tua melambangkan ketaatan kepada raja, bersemangat kebangsaan dan cintakan negara.

VISI KPM

PENDIDIKAN BERKUALITI INSAN TERDIDIK NEGARA SEJAHTERA

MISI KPM

MELESTARIKAN SISTEM PENDIDIKAN YANG BERKUALITI
UNTUK MEMBANGUNKAN POTENSI INDIVIDU BAGI MEMENUHI ASPIRASI NEGARA

MOTTO SEKOLAH

MAJU

SLOGAN SEKOLAH

PUTRA MENDUKUNG TRANSFORMASI

TAGLINE

PUTRA NAMAMU TERATAS

FALSAFAH

1. SMK Tunku Putra mampu dan berupaya menyediakan kemudahan fizikal, suasana dan masa kerja yang optimum ke atas perkembangan intelek bagi melahirkan insan yang bermatlamat, bertanggungjawab dan mampu memberi sumbangan yang positif kepada bangsa, agama dan Negara.
2. Para pendidik di sekolah ini berupaya memberikan pendidikan yang sempurna, menyeluruh, bermutu dan seimbang.
3. Setiap murid di sekolah ini sewajarnya diberi peluang seluas-luasnya dalam mengembangkan kebolehan, bakat dan potensi intelek mereka.

MATLAMAT

1. Melahirkan murid-murid yang berilmu berpendidikan dan berdisiplin agar dapat memberikan sumbangan yang positif kepada masyarakat, agama, bangsa dan Negara.
2. Merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025

OBJEKTIF SEKOLAH

1. Melaksanakan Dasar Pendidikan Negara.
2. Melaksanakan Dasar PPPM 2021-2025
3. Menjadikan murid cergas, berdisiplin, berilmu tinggi dan bersikap positif terhadap segala usaha pendidikan.
4. Mempertingkatkan serta memupuk minat, kesedaran dan kecekapan/kemahiran belajar yang tinggi dan berkekalan dalam kalangan murid.
5. Menghapuskan sikap negatif yang menghalang kemajuan pembelajaran dan mewujudkan nilai dan semangat berjuang yang tinggi terhadap kecemerlangan kurikulum dan kokurikulum.
6. Mewujudkan golongan murid yang peka terhadap perubahan positif.
7. Membina dan memelihara sebuah masyarakat yang harmonis, bersepadu dan taat setia seperti mana yang termaktub dalam Prinsip Rukun Negara.
8. Meningkatkan pencapaian kognitif, afektif dan psikomotor para murid supaya mereka menjadi insan yang erpelajaran dan berpendidikan.

DASAR SEKOLAH

Mematuhi dan melaksanakan perintah dan dasar-dasar kerajaan.

1. Melaksanakan dan menguatkuasakan perintah dan arahan kerajaan dalam usaha melaksanakan Dasar Pendidikan Negara.
2. Melaksanakan dasar dan arahan Kementerian, Jabatan dan Pejabat Pendidikan Daerah dengan cekap, kemas kini dan sempurna.
3. Memberi peluang seluas-luasnya kepada murid untuk membina dan mengembangkan bakat/potensi secara terangsang dan bersengaja.
4. Memastikan kebajikan dan hak murid untuk belajar sentiasa terpelihara.
5. Mewujudkan iklim persekolahan yang sempurna dan kondusif ke tahap optimum.
6. Melaksanakan sistem dan pengurusan yang terancang, cekap dan produktif.
7. Membuka peluang kepada guru dan staf bukan guru untuk memperkembangkan ilmu dan bakat/potensi, serta menimba dan mempertingkatkan pengalaman secara professional.
8. Menjalin hubungan yang erat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, institusi pendidikan dan masyarakat.
9. Memastikan SMK Tunku Putra menjadi institusi yang dominan dalam memberikan perkhidmatan pendidikan setempat.

IKRAR MURID

Bahawasanya kami, murid-murid SMKTP berikrar
Akan mendukung misi dan visi serta
Menjaga nama baik sekolah
Meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik
Kokurikulum dan sahsiah diri.
Menghormati ibu bapa, guru-guru dan warga sekolah.
Patuh kepada undang-undang dan peraturan sekolah
Serta melaksanakan tanggungjawab sebagai murid.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita negara berdasarkan prinsip-prinsip Rukun Negara yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELURUHAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

LAGU SEKOLAH

SMKTP jadi tumpuan
Terkenal dan ternama
Berinovasi dan berteknologi,
Berwawasan, berkualiti,

SMKTP padu tenaga,
Pendorong puncak jaya,
Bersopan, bertekad, berdikari,
Capai cita murni

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PPPM)

11 ANJAKAN STRATEGI PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2013 - 2025

1. Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa
2. Memastikan setiap murid profesional dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
3. Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai
4. Transformasi keguruan sebagai profesion pilihan
5. Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah
6. Mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan
7. Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia
8. Mentransformasi kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian kementerian
9. Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas
10. Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit
11. Meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam secara langsung

5 ASPIRASI SISTEM PENDIDIKAN

1. Akses – 100% enrolmen merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020
2. Kualiti – negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun
3. Ekuiti – 50% pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar – luar bandar, sosioekonomi, gender) menjelang tahun 2020
4. Perpaduan – sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian
5. Kecekapan – sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada

6 ASPIRASI PELAJAR

1. Pengetahuan
2. Kemahiran berfikir
3. Kemahiran memimpin
4. Kemahiran dwibahasa
5. Etika dan kerohanian
6. Identiti nasional

OBJEKTIF PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013 – 2025

1. Memahami prestasi dan cabaran semasa
2. Mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas
3. Menggariskan program transformasi yang menyeluruh untuk system pendidikan, termasuk perubahan utama dalam Kementerian

**PIAGAM PELANGGAN
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNKU PUTRA,
83010 BATU PAHAT, JOHOR.**

KAMI WARGA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNKU PUTRA, BATU PAHAT JOHOR DENGAN PENUH KOMITMEN DAN ILTIZAM, BERIKRAR DAN BERJANJI AKAN MENUMPUKAN SELURUH TENAGA DAN USAHA KAMI UNTUK

Melaksanakan sistem pendidikan yang terbaik berasaskan budaya ilmu memenuhi kehendak individu, masyarakat dan Negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Melaksanakan jentera dan sistem pengurusan pendidikan yang berkesan, cekap dan dinamik dan berteraskan kepada penambahbaikan yang berterusan.

Memastikan setiap murid menjalani proses pembelajaran mulai hari pertama persekolahan sehinggalah tamat persekolahannya.

Memastikan guru-guru melaksanakan proses pengajaran setiap masa mulai hari pertama persekolahan.

Memberikan layanan mesra, perkhidmatan yang cekap dan jawapan segera kepada setiap pelanggan yang berurusan dengan kami.

Menentukan segala jenis surat yang ditujukan kepada kami diberi jawapan dalam tempoh satu minggu dari tarikh diterima atau mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Bersedia memberi penerangan dan maklumat terkini dengan lengkap, tepat dan cepat kepada yang berkenaan.

Sentiasa bersedia dan sanggup menerima pandangan, cadangan / syor dan teguran yang membina daripada semua pihak demi mempertingkatkan prestasi perkhidmatan dan kecemerlangan kami.

DASAR PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SEKOLAH

KOMITMEN GURU

Antara komitmen guru yang perlu diberikan perhatian ialah:

Panduan Perkhidmatan Cemerlang, Tatasusila Profesion Keguruan Malaysia dan Etika Kerja Kementerian Pendidikan Malaysia hendaklah sentiasa menjadi panduan dan amalan semua guru.

Membaca dan memahami visi, misi, falsafah, matlamat dan objektif sekolah serta sentiasa berusaha untuk mencapai objektif tersebut.

Guru adalah satu profesion yang mulia, justeru guru perlu sentiasa menjaga imej dan sentiasa menunjuk serta mengamalkan imej kepimpinan dinamis dan kecekapan menjalankan tugas.

Melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, kejujuran dan bertanggungjawab.

Elakkan perilaku yang dianggap bertentangan dengan tatasusila profesion perguruan seperti ponteng tugas, pecah amanah, penyelewengan, cuai dan sebagainya.

Berusaha meningkatkan prestasi dan nama baik sekolah dengan sedia bekerja bersama-sama dan bekerjasama dengan semua anggota masyarakat sekolah dan luar sekolah

WAKTU RASMI PERSEKOLAHAN

Semua guru dikehendaki berada dalam kawasan sekolah pada waktu persekolahan kecuali mendapat kebenaran daripada Pengetua

Waktu bekerja rasmi guru-guru adalah sebelum 7.20 pagi hingga 2.00 petang.

Keluar Sekolah / Pejabat Kerana Mesyuarat dan Kerja Luar

Guru-guru dan AKP yang sudah datang ke sekolah/pejabat tetapi perlu keluar semula untuk menghadiri mesyuarat atau menjalankan tugas di luar pejabat, hendaklah merakamkan waktu keluar dan perlu mengisi borang kebenaran keluar serta menulis sebab keluar dan meminta pengesahan pengetua **sebelum / selepas** keluar / balik dari / ke pejabat.

Keluar Kerja Tanpa Ke Sekolah / Pejabat Lebih Dahulu

Guru/AKP yang bertolak dari rumah terus ke tempat mesyuarat atau tempat menjalankan kerja luar, tidak perlu datang dahulu ke sekolah/pejabat untuk merakamkan kedatangannya. Sekiranya tugas luar telah selesai, Guru/AKP dikehendaki datang ke sekolah/pejabat dan membuat PWIJ.

Jika guru/AKP yang memerlukan mereka lewat hadir atas urusan peribadi perlu mengisi Borang Kebenaran Keluar sehari sebelum dan mesti mendapat pengesahan daripada pengetua atau wakilnya terlebih dahulu. Guru/AKP perlu memastikan mereka akan berada di sekolah sekurang-kurangnya 4 jam.

Pegawai-pegawai yang ditugaskan sebagai pegawai pengawas PWIJ

Kategori Pegawai	Pegawai Pengawas PWIJ
Guru AKP	Pengetua/ Semua Penolong Kanan Ketua Kerani /Semua Penolong Kanan

Pegawai-pegawai yang ditugaskan membuat laporan bulanan

Kategori Pegawai	Pegawai Pelapor
Guru AKP	Pn. Sharimah bt Abdullah Sani Pn. Sharimah bt Abdullah Sani

PAKAIAN DAN PERSONALITI

Guru hendaklah memakai pakaian yang kemas mengikut peraturan yang ditetapkan (Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/85) serta melambangkan disiplin dan imej profesion perguruan.

Tanda nama hendaklah sentiasa dipakai semasa bertugas di sekolah, majlis rasmi sekolah dan tugas rasmi di luar sekolah.

Memakai pakaian sukan (PJK) dibenarkan semasa mengajar di kelas jika ada PJK pada hari tersebut

Guru lelaki mestilah memakai tali leher semasa dalam tugas rasmi kecuali dalam keadaan tertentu seperti pengajaran PJK dan di bengkel.

Pada setiap hari Rabu dan Ahad minggu ke-3 semua guru dikehendaki memakai pakaian unit beruniform.

Pada hari Ahad, guru digalakkan memakai baju korporat dan pada hari Khamis, digalakkan memakai baju kebangsaan atau batik.

URUSAN PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN

Guru bertanggungjawab mengemaskini maklumat-maklumat perkhidmatan dan perjawatan dengan merujuk kepada Pembantu Tadbir (Perkhidmatan dan Perjawatan) atau Guru Data berkaitan pelantikan, transformasi minda, pengesahan jawatan, pergerakan gaji, rekod cuti, e-operasi, HRMIS, e-SPLG dan sistem-sistem yang berkaitan dari semasa ke semasa.

KELUAR SEKOLAH DALAM WAKTU BERTUGAS

Guru tidak dibenarkan keluar dari kawasan sekolah dalam masa bertugas kecuali atas sebab-sebab tertentu seperti arahan daripada PPD/JPN atau hal-hal peribadi yang tidak dapat dielakkan.

Guru yang perlu keluar dalam masa bertugas hendaklah memaklumkan sendiri kepada Pengetua/wakilnya untuk mendapatkan kebenaran. Guru perlu mengisi maklumat dalam Borang Permohonan Keluar Dalam Waktu Bertugas untuk pengesahan dan rekod Pengetua / wakilnya dan "imbas jari" (tumb print out). Surat sokongan seperti surat panggilan mesyuarat mestilah disertakan (jika ada).

URUSAN CUTI DAN TIDAK HADIR BERTUGAS

Guru mesti merujuk, membaca, memahami dan mematuhi arahan-arahan / pekeliling-pekeliling berkaitan kebenaran untuk bercuti (rujuk jenis cuti) dan tidak hadir bertugas.

Dalam keadaan biasa, guru layak mengambil Cuti Rehat Khas selama 10 hari dalam setahun dengan syarat permohonan cuti itu mestilah dipohon terlebih awal dengan mengemukakan borang permohonan cuti dan mendapat kebenaran Pengetua sahaja.

Guru yang sakit, perlu mendapat rawatan di hospital / klinik dan memaklumkan Pengetua/wakilnya untuk kelulusan berehat di rumah dan **menyerahkan sendiri** sijil sakit yang sah dari klinik/hospital kerajaan/swasta bersama-sama borang permohonan cuti kepada Pengetua.

Jika tidak dapat hadir bertugas atas sebab-sebab kecemasan, guru mesti menghubungi sendiri pengetua. **Guru tidak boleh membuat pesanan melalui orang lain.**

Guru yang mendapat cuti tanpa rekod, perlu mengemukakan surat kebenaran cuti tanpa rekod dari pihak yang memberikan cuti itu untuk pengesahan Pengetua / wakilnya dan mengemukakan borang cuti tanpa rekod yang telah dilengkapkan. Permohonan ini akan dimajukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Johor untuk kelulusan / pengesahan. (Cuti Tanpa Rekod akan diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri)

Guru wanita yang akan cuti bersalin perlu mengemukakan Borang Cuti Bersalin yang dikemas kini bagi tujuan rekod dan rujukan perkhidmatan.

(Maklumat lanjut tentang cuti, sila rujuk Lampiran Pekeliling)

FAIL REKOD MENGAJAR

Fail Rekod Mengajar adalah dokumen rasmi berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab guru di sekolah. Maklumat-maklumat dalam Fail Rekod Mengajar hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa yang meliputi:

1. Butiran diri
2. Jadual waktu persendirian / kelas / analisis
3. Sukatan Pelajaran / DSKP
4. Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) / DSKP
5. Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT)
6. Rancangan Pelajaran Harian (RPH)
7. Markah ujian / peperiksaan
8. Soalan ujian / peperiksaan
9. Maklumat lain yang perlu seperti senarai murid, TOV, OTI, AR, dan ETR
10. Catatan aktiviti sepanjang minggu / mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri

Fail Rekod Mengajar mesti dihantar ke pejabat sekolah untuk penyeliaan Pengetua / wakilnya pada hari Khamis sebelum / pada 2.30 petang.

Fail Rekod Mengajar mesti dibawa bersama semasa PdP untuk tujuan merekod dan pencerapan PdP.

Fail Rekod Mengajar wajib diserahkan kepada Pengetua / wakilnya pada hari terakhir persekolahan untuk tujuan rekod, simpanan dan pemantauan (jika ada)

PENGGUNAAN HARTA BENDA SEKOLAH

Guru bertanggungjawab menjaga alatan atau harta benda sekolah dan menggunakannya dengan betul mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Penggunaan / pinjaman alatan / harta benda sekolah hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran guru penjaganya dan pemulangan hendaklah direkod.

Guru mesti memaklumkan dan mengganti / membaiki kerosakan alatan / harta benda sekolah yang dipinjam / digunakan.

Guru tidak dibenarkan membawa balik ke rumah alatan / harta benda sekolah untuk kegunaan peribadi, kecuali dengan kebenaran pengetua.

MENGHADIRI TAKLIMAT DAN MESYUARAT DI SEKOLAH

Guru wajib menghadiridkan merekodkan kehadiran taklimat / mesyuarat yang diadakan oleh Pengetua / wakilnya / jawatankuasa-jawatankuasa tertentu.

Jika tidak dapat menghadiri taklimat / mesyuarat atas sebab tertentu, guru perlu **memaklumkan kepada Pengetua secara bertulis.**

WAKTU PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN/MELINDUNGI MASA INSTRUKSIONAL(MMI)

Guru hendaklah merujuk, membaca, memahami dan melaksanakan arahan-arahan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan PPD berkaitan jadual waktu.

Guru yang mengajar mesti berada di tempat mengajar seperti kelas / makmal sains / bengkel / bilik seminar / padang / perpustakaan mengikut jadual waktu yang ditetapkan tepat pada masanya dan tidak dibenarkan membuat kerja-kerja lain seperti menaip soalan peperiksaan dalam masa pembelajaran dan pengajaran.

Guru tidak boleh meninggalkan kelas dan murid kecuali atas sebab-sebab tertentu seperti dipanggil oleh Pengetua.

Guru bertanggungjawab memastikan bilik dalam keadaan bersih, kemas, kondusif dan mendapatkan maklumat kehadiran semua murid sebelum memulakan pembelajaran dan pengajaran di kelas.

Keselamatan murid dalam waktu pembelajaran dan pengajaran adalah tanggungjawab guru.

Guru mesti sentiasa ingat bahawa waktu luang (free period) adalah masa bekerja dan perlu digunakan dengan cara yang betul seperti memeriksa buku latihan murid.

Guru yang tidak dapat menjalankan PdP, diwajibkan menyediakan bahan pembelajaran dan diletakkan di 'pegion hole' di luar pejabat.

JADUAL GURU GANTI (RELIEF)

Guru dikehendaki mamatuhi jadual guru ganti dan berada di kelas sebagaimana diarahkan Pengetua / wakilnya.

Jadual guru ganti dianggap sebagai waktu kerja.

Guru perlu mengajar dan menjalankan proses PdPc di kelas tersebut (jika guru sememangnya mengajar di mata pelajaran tertentu di kelas berkenaan).

Slip guru ganti hendaklah ditampal di dalam Fail Rekod Mengajar.

SURAT-SURAT PEKELILING / ARAHAN

Guru mesti merujuk, membaca, memahami dan melaksanakan arahan-arahan pekeliling Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan PPD.

Urusan surat menyurat rasmi sekolah hendaklah menggunakan sistem fail surat menyurat sekolah dan ditandatangani oleh Pengetua / wakilnya.

Apabila diarah melaksanakan sesuatu tugas, guru hendaklah melaksanakan sendiri tugas tersebut. Guru yang terlibat tidak dibenarkan mengarahkan orang lain melaksanakan tugas tersebut bagi pihak dirinya. Jika sesuatu tugas terpaksa diserahkan kepada orang lain atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan dipersetujui oleh pihak yang menggantikannya, Pengetua / wakilnya hendaklah diberitahu secara bertulis.

Guru bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan oleh Pengetua dengan betul, sempurna, mengikut peraturan dan menepati waktu.

PEMANTAUAN PENGAJARAN DAN PENYELIAAN BUKU MURID

Guru hendaklah merujuk, membaca, memahami dan melaksanakan arahan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan PPD berkaitan dengan pencerapan PdP dan penyeliaan buku murid.

Pencerapan PdPc oleh Pengetua, Penolong Kanan, Penolong Kanan HEM, Guru Kanan Mata Pelajaran dan Ketua Panitia Mata Pelajaran, akan dilaksanakan pada bila-bila masa.

Penyeliaan buku latihan murid dibuat secara berjadual. Guru diminta menyerahkan buku murid pada masa ditetapkan kepada penyelia yang bertanggungjawab dengan menyertakan 2 salinan **borang Penyerahan Buku Murid**.

PENDAFTARAN KEMASUKAN / PERTUKARAN MURID

Pendaftaran Kemasukan

Guru tingkatan bertanggungjawab menerima kemasukan murid ke dalam kelasnya dengan memastikan perkara-perkara berikut:

1. Merekodkan kemasukan dan semua butiran murid dalam Buku Pendaftaran Sekolah dan Buku Kehadiran Murid (Register)
2. Menyemak semua dokumen murid (kerja kursus, PBS dan PEKA) dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan disertakan dari sekolah asal, menghubungi Pengetua sekolah asal jika dokumen dan maklumat tidak lengkap.
3. Memastikan maklumat peperiksaan murid jika murid berada di tingkatan 3, 5 dan 6. Maklumkan kepada setiausaha peperiksaan PT3 / SPM / STPM untuk tindakan selanjutnya.

Pendaftaran Pertukaran

Guru tingkatan dan Penolong Kanan (HEM) bertanggungjawab menguruskan pertukaran keluar murid dengan memastikan perkara-perkara berikut:

1. Pengesahan pertukaran hanya diterima atas permintaan ibu bapa / penjaga yang datang sendiri membuat permohonan ke sekolah.
2. Menyediakan dokumen pertukaran murid, dan menyerahkannya untuk pengesahan Pengetua.
3. Memastikan semua buku teks dipulangkan dan kehilangan / kerosakan buku teks diganti sebelum menyerahkan perkara (2) di atas jika pertukaran keluar Johor / MRSM / sekolah-sekolah swasta.

4. Memaklumkan perihal pertukaran murid kepada setiausaha peperiksaan dan guru SPBT bagi diambil tindak ikut selanjutnya jika terdapat perkara-perkara yang belum selesai.

Melaksanakan arahan Pengetua / wakilnya dari semasa ke semasa berhubung kemasukan / pertukaran murid. Semua borang permohonan pertukaran dan kemasukan murid mesti disahkan / ditandatangani oleh Pengetua.

PEJABAT GURU

Pejabat Guru adalah **tempat bekerja** bagi semua guru.

Masa rehat / ruang (free period) di Pejabat Guru sebaik-baiknya digunakan untuk kerja memeriksa buku latihan murid, membuat persediaan pengajaran dan hal-hal profesional lain.

Murid hanya boleh masuk ke Pejabat Guru dengan kebenaran guru dan pada waktu-waktu tertentu seperti waktu rehat. Guru tidak digalakkan berjumpa dengan murid dalam Pejabat Guru terutamanya yang melibatkan kes-kes disiplin.

Guru bertanggungjawab memastikan tempat duduk persendirian berada dalam keadaan kemas, bersih dan buku-buku disusun rapi. Guru bertanggungjawab bekerjasama menjaga kebersihan, keceriaan dan keselesaan

KGS bertanggungjawab terhadap hal berkaitan Pejabat Guru dan guru. Setiap rancangan / projek anjuran KGS hendaklah dimaklumkan kepada Pengetua / wakilnya yang berfungsi sebagai penasihat.

KGS dan guru bertanggungjawab melaksanakan arahan Pengetua / wakilnya dari semasa ke semasa.

BILIK DARJAH / KELAS

Sebelum memulakan pengajaran, guru bertanggungjawab memastikan bilik darjah bersih dan ceria dengan kerusi meja murid tersusun rapi.

Guru waktu terakhir bertanggungjawab memastikan pintu bilik darjah dikunci selepas tamat waktu persekolahan.

PIHAK / AGENSI LUAR BERJUMPA DENGAN GURU

Orang luar/ibubapa/penjaga/agensi luar hanya dibenarkan berjumpa dengan guru dan murid setelah mendapat kebenaran Pengetua. Guru-guru diingatkan supaya memastikan pihak yang ingin berjumpa guru atau murid telah mendapat kebenaran Pengetua.

Orang luar/ ibubapa / penjaga /agensi luar dilarang berjumpa guru / murid semasa pembelajaran dan pengajaran sedang dijalankan.

URUSAN KE JPN / PPD

Guru tidak dibenarkan pergi ke JPN / PPD untuk menguruskan hal-hal persendirian pada waktu bertugas tanpa kebenaran Pengetua.

Guru yang hendak berurusan dengan JPN / PPD dikehendaki membawa surat kebenaran / pengesahan yang ditandatangani oleh Pengetua sekolah.

PJJ / KURSUS / SEMINAR

Guru wajib merujuk, membaca, memahami dan melaksanakan arahan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Johor dan PPD berkaitan dengan PJJ, menghadiri kursus / seminar dan sebagainya.

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Pengetua sekolah untuk pengesahan.

Permohonan cuti kerana mengikut PJJ dan seumpamanya hendaklah dikemukakan beserta surat-surat sokongan maklumat kepada Pengetua terlebih dahulu sebelum meninggalkan sekolah.

MENYEMAK DAN MEMERIKSA BUKU MURID

Guru wajib menyemak dan memeriksa buku murid selepas memberikan nota, latihan, dan tugas bagi memastikan murid membuat tugas-tugas yang diberikan serta mengembalikan dengan secepat mungkin.

Guru hendaklah mencatatkan Tandatangan Ringkas, Tarikh Pemeriksaan, Markah / Gred dan Kata-kata Perangsang / Nasihat / Komen selepas memeriksa buku murid.

Guru hendaklah mengarah murid membuat pembetulan kepada kesalahan yang dilakukannya dan pembetulan itu hendaklah disemak dan diperiksa oleh guru.

PEPERIKSAAN DAN PENTAKSIRAN

Ujian Formatif

Ujian ini hendaklah diadakan mengikut jangka waktu yang ditetapkan / diarah.

Ujian ini diadakan dengan menggunakan satu / dua waktu pembelajaran dan pengajaran.

Guru subjek boleh menyediakan bilangan dan bentuk soalan yang sesuai dengan masa yang diperuntukkan dan tahap pencapaian murid dalam kelas.

Guru subjek bertanggungjawab mengawasi perjalanan ujian dan waktu pengajarannya.

Guru subjek hendaklah memeriksa, memberi markah dan memasukkan markah dalam sistem mengikut tarikh yang ditetapkan dan markah perlu direkodkan dan dianalisis dalam Fail Rekod Mengajar.

Guru tingkatan dan Penyelaras peperiksaan hendaklah menganalisis keputusan ujian untuk disemak oleh Pengetua / wakilnya.

Ujian Sumatif

Ujian ini hendaklah diadakan mengikut jadual waktu dan jangka masa yang ditetapkan.

Bilangan dan bentuk soalan hendaklah selaras bagi semua kelas dalam satu tingkatan.

Guru subjek hendaklah memeriksa, memberi markah dan memasukkan markah dalam sistem mengikut tarikh yang ditetapkan dan markah perlu direkodkan dianalisis dalam Fail Rekod Mengajar Guru.

Guru tingkatan dan Penyelaras peperiksaan hendaklah menganalisis keputusan ujian untuk disemak oleh Pengetua / wakilnya dan tindakan Ketua Panitia mata pelajaran berkenaan.

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN, AKHIR TAHUN DAN PERCUBAAN

Peperiksaan ini hendaklah diadakan mengikut jadual dan jangka masa yang ditetapkan.

Guru subjek hendaklah memeriksa, memberi markah dan menyerahkan markah kepada Guru tingkatan mengikut tarikh yang ditetapkan. Markah hendaklah direkodkan dalam Fail Rekod Mengajar.

Guru tingkatan dan Penyelaras Peperiksaan bertanggungjawab menyerahkan keputusan kepada Pengetua / wakilnya.

Ketua panitia bertanggungjawab mengagihkan tugas menyediakan soalan ujian peringkat sekolah dan memastikan bilangan dan bentuk soalan, bilangan kertas dan masa ikut mata pelajaran dan hendaklah selaras bagi semua kelas dalam satu tingkatan sebagaimana format peperiksaan sebenar.

Guru penyedia soalan bertanggungjawab memastikan soalan peperiksaan disediakan dengan teliti dan mencakupi pelbagai peringkat kemahiran berpandukan Jadual Spesifikasi Item (JSI) serta perlu disahkan oleh GKMP / Ketua Panitia sebelum dicetak.

Soalan ujian peperiksaan hendaklah disediakan lebih awal dari tarikh peperiksaan supaya urusan percetakan dapat dilaksanakan dengan teratur.

Soalan ujian / peperiksaan yang telah dicetak hendaklah disemak dari segi jumlah, mutu cetakan, kesalahan ejaan dan disimpan dengan selamat.

Semua guru subjek bertanggungjawab mengawasi perjalanan ujian bertulis formal secara bergilir mengikut jadual waktu persendirian masing-masing kecuali satu jadual pengawasan khas disediakan oleh Setiausaha Peperiksaan Dalaman.

Guru mata pelajaran bertanggungjawab memasukkan markah dan keputusan ujian/peperiksaan dalam sistem. Slip Keputusan Murid akan disediakan oleh guru tingkatan dan menyerahkannya kepada Pengetua/wakilnya untuk pengesahan sebelum diserahkan kepada ibu bapa / penjaga

PERHIMPUNAN RASMI SEKOLAH

Guru **wajib** mengikuti perhimpunan rasmi sekolah mengikut kesesuaian atau ketetapan pihak pentadbir.

Perhimpunan rasmi sekolah akan dilaksanakan pada setiap hari Rabu (7.20 - 7.40 pagi) secara berpusat dengan menggunakan alat siar.

PEMBELIAN BARANG

Pembelian alatan / bahan / alat bantu mengajar hendaklah dibuat dengan kebenaran Pengetua.

Ketua Panitia / Jabatan hendaklah mengemukakan Borang Tempahan untuk semakan dan pengesahan Pengetua.

Setelah Borang Tempahan diluluskan, Borang Pesanan (L.O) hendaklah dilengkapkan untuk pengesahan Pengetua sebelum pembelian dibuat. Borang ini boleh diperolehi daripada Pembantu Tadbir (Kewangan)

Semua bil pembelian dan dokumen-dokumen yang berkaitan mesti diserahkan dengan segera kepada Pembantu Tadbir (Kewangan) untuk urusan pembayaran. Tempoh sah laku sesuatu bil / invoice ialah 14 hari daripada tarikh bil / invoice berkenaan.

Semua bahan / alatan / alatan bantu mengajar yang dibeli hendaklah direkodkan dalam buku stok terlebih dahulu sebelum pembayaran dibuat.

MAKAN MINUM WAKTU PERSEKOLAHAN

Guru **tidak dibenarkan keluar** dari kawasan sekolah untuk tujuan makan / minum pada waktu persekolahan. Makan minum hendaklah di kantin sekolah sahaja. Gunakan tempoh masa makan / minum dengan kadar yang sewajarnya pada waktu luang (free period).

BILIK-BILIK KHAS / BILIK SEMINAR

Guru Penyelaras bilik khas bertanggungjawab memastikan semua alatan dan keadaan bilik sentiasa dalam keadaan selamat, bersih dan tersusun.

Satu inventori alatan dan perabot hendaklah ditampal di dalam bilik tersebut.

Jika bilik khas terbabit digunakan bagi mata pelajaran tertentu, satu jadual penggunaan bilik hendaklah disediakan dan ditampalkan di pintu bilik.

Murid tidak dibenarkan berada dalam bilik khas tanpa pengawasan guru.

Salinan pendua kunci bilik khas hendaklah diserahkan dan disimpan di pejabat sekolah pada setiap masa.

Guru Penyelaras bilik khas bertanggungjawab mematuhi arahan Pengetua dari semasa ke semasa.

HUKUMAN TERHADAP MURID

Guru wajib merujuk, membaca, memahami dan melaksanakan arahan Kementerian Pendidikan, JPN dan PPD berkaitan hukuman terhadap murid

Guru tidak dibenarkan mengenakan Hukuman Dera (corporal punishment) antaranya dengan mengarahkan murid berdiri di atas kerusi, meja atau tindakan yang boleh menyebabkan kecederaan kepada murid atau kesan kesihatan


PENGGUNAAN ELEKTRIK DAN AIR

Guru / AKP sekolah mesti bekerjasama ke arah menjimatkan penggunaan elektrik dan air.

Guru perlu sentiasa memberitahu dan mengingatkan murid tentang pentingnya menjimatkan penggunaan air dan elektrik. Sebelum meninggalkan bilik / bengkel / makmal, pastikan suis elektrik dimatikan. Paip air mesti ditutup dengan sempurna.

STANDARD 1 : KEPIMPINAN

PENGENALAN KEPIMPINAN




STANDARD 1 : KEPIMPINAN


PEMETAAN SKPMg2 BIDANG KEPIMPINAN

HALATUJU 1: PENGURUSAN BERKUALITI SKPMg2 BIDANG KEPIMPINAN

STANDARD 1 : KEPIMPINAN



CARTA ORGANISASI STANDARD 1 KEPIMPINAN SMK TUNKU PUTRA, BATU PAHAT, JOHOR



1.1 PGB SEBAGAI PENERAJU

(PGB bertindak sebagai peneraju dalam semua aspek pengurusan dan pendidikan di sekolah untuk memastikan matlamat dan objektif yang ditetapkan tercapai)

ASPEK 1.1.1 PGB Sebagai Peneraju

(PGB menetapkan hala tuju sekolah secara terancang)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.1.1 PGB menetapkan hala tuju sekolah secara terancang	i. membuat analisis SWOT/analisis lain yang bersesuaian	i. secara menyeluruh meliputi bidang kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid/warga sekolah	Ketidakakuran tindakan dalam langkah 'Check' memerlukan tindakan susulan
	ii. menentukan sasaran/ Petunjuk Prestasi Utama		
	iii. mendokumenkan hala tuju yang ditetapkan	iii. secara jelas	
	iv. menyebarkan hala tuju yang ditetapkan		

ASPEK 1.1.2 PGB Sebagai Peneraju

(PGB mengetuai penyediaan Rancangan Pemajuan Sekolah secara terancang dan sistematik)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.1.2 PGB mengetuai penyediaan Rancangan Pemajuan Sekolah secara terancang dan sistematik	i. menyediakan garis panduan/format perancangan strategik	i. mengikut ketetapan/ kesesuaian/ keperluan sekolah	Ketidakakuran tindakan dalam langkah 'Check' memerlukan tindakan susulan
	ii. merangka strategi pencapaian sasaran		
	iii. memantau penyediaan perancangan strategik	iii. dengan mekanisme yang sesuai	
	iv. menyiapkan dokumen perancangan strategik		

1.1 PGB SEBAGAI PENERAJU

(PGB bertindak sebagai peneraju dalam semua aspek pengurusan dan pendidikan di sekolah untuk memastikan matlamat dan objektif yang ditetapkan tercapai)

ASPEK 1.1.3 PGB Sebagai Peneraju

(PGB mengetuai pemantauan pengoperasian sekolah secara terancang dan sistematik)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.1.3 PGB mengetuai pemantauan pengoperasian sekolah secara terancang dan sistematik	i. melaksanakan pemantauan	i. mengikut ketetapan pemantauan ii. secara menyeluruh meliputi semua perkara/ bidang (kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid, kewangan, sumber manusia, prasarana sekolah dan sumber pendidikan) iii. secara berterusan/berkala	Ketidakakuran langkah dalam 'Check' memerlukan tindakan susulan
	ii. menyediakan rumusan pemantauan		
	iii. mengambil tindakan susulan		

ASPEK 1.1.4 PGB Sebagai Peneraju

(PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan PdP secara profesional dan terancang)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.1.4 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan PdP secara profesional dan terancang	i. melaksanakan PdPc	i. mengikut ketetapan kurikulum/arahan yang berkuat kuasa ii. dengan mematuhi jadual/perancangan iii. secara tekal iv. secara menyeluruh meliputi semua perkara/ murid	Ketidakakuran langkah dalam 'Check' memerlukan tindakan susulan
	ii. menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH)		
	iii. melaksanakan peperiksaan/ pentaksiran terhadap tahap penguasaan murid		
	iv. menyemak hasil kerja murid		

1.1 PGB SEBAGAI PENERAJU

(PGB bertindak sebagai peneraju dalam semua aspek pengurusan dan pendidikan di sekolah untuk memastikan matlamat dan objektif yang ditetapkan tercapai)

ASPEK 1.1.5 PGB Sebagai Peneraju

(PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pencerapan PdP secara profesional dan terancang)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.1.5 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pencerapan PdP secara profesional dan terancang	i. melaksanakan pencerapan PdP	i. mengikut ketetapan pencerapan	Ketidakkuratan langkah dalam 'Check' memerlukan tindakan susulan
	ii. memberi maklum balas dan bimbingan	ii. secara menyeluruh meliputi semua perkara/ guru	
	iii. mengambil tindakan susulan	iii. secara berterusan/berkala	

ASPEK 1.1.6 PGB Sebagai Peneraju

(PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pemantauan kemajuan dan pencapaian murid secara sistematik dan terancang)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.1.6 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pemantauan kemajuan dan pencapaian murid secara sistematik dan terancang	i. menganalisis pencapaian murid	i. mengikut ketetapan pemantauan	Ketidakkuratan langkah dalam 'Check' memerlukan tindakan susulan
	ii. menyediakan rumusan kemajuan dan pencapaian murid	ii. secara menyeluruh meliputi bidang kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid	
	iii. mengambil tindakan susulan	iii. secara berterusan/berkala	

1.1 PGB SEBAGAI PENERAJU

(PGB bertindak sebagai peneraju dalam semua aspek pengurusan dan pendidikan di sekolah untuk memastikan matlamat dan objektif yang ditetapkan tercapai)

ASPEK 1.1.7 PGB Sebagai Peneraju

(PGB menangani masalah pengoperasian sekolah secara profesional dan terancang)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.1.7 PGB menangani masalah pengoperasian sekolah secara profesional dan terancang	i. mengenal pasti punca masalah/isu	i. dengan mekanisme yang sesuai/mematuhi prosedur/peraturan ii. secara telus iii. secara kreatif/inovatif	Ketidakakuran langkah dalam 'Check' memerlukan tindakan susulan
	ii. mengambil tindakan terhadap masalah/isu		
	iii. menyelesaikan masalah/isu		
	iv. mengambil langkah kawalan/tindakan pencegahan bagi memastikan masalah/isu tidak berulang		

PROSES KERJA ASPEK 1.1 PGB SEBAGAI PENERAJU
(PGB bertindak sebagai peneraju dalam semua aspek pengurusan dan pendidikan di sekolah untuk memastikan matlamat dan objektif yang ditetapkan tercapai)

PLAN	DO	EVIDENS
<p>TUMS</p> <p>1.1.1 PGB menetapkan hala tuju sekolah secara terancang</p> <p>1.1.2 PGB mengetuai penyediaan Rancangan Pemajuan Sekolah secara terancang dan sistematik</p> <p>1.1.3 PGB mengetuai pemantauan pengoperasian sekolah secara terancang dan sistematik</p> <p>1.1.4 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan PdP secara profesional dan terancang</p> <p>1.1.5 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pencerapan PdP secara profesional dan terancang</p> <p>1.1.6 PGB menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pemantauan kemajuan dan pencapaian murid secara sistematik dan terancang</p> <p>1.1.7 PGB menangani masalah pengoperasian sekolah secara profesional dan terancang</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membuat analisis SWOT/analisis lain yang bersesuaian 2. Menentukan sasaran/ Petunjuk Prestasi Utama 3. Menjelaskan hala tuju yang ditetapkan kepada semua warga sekolah. 4. Merangka strategi bagi mencapai sasaran 5. Menyediakan garis panduan/format perancangan strategik 6. Menyelaras dan memantau pelaksanaan program dan semua aktiviti sekolah yang meliputi semua bidang 7. Mengenal pasti, mengambil tindakan dan menyelesaikan masalah/isu dan membuat pencegahan bagi memastikan isu tidak berulang. 8. Memberi maklum balas dan bimbingan dalam meneraju aktiviti instruksional. 9. Mengambil tindakan susulan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perancangan Strategik • Minit Mesyuarat Pentadbiran Bil.1/2020 • Minit Mesyuarat Guru Bil.1/2020 • Buku Pengurusan (DINAS) • Carta Organisasi Pengurusan Sekolah • Laporan Pencerapan Buku Latihan Murid • Laporan Pencerapan PdPc Guru • Penilaian Kendiri PdPc Guru • Analisis Pencapaian Peperiksaan Dalaman dan Peperiksaan Awam • Laporan Dialog Prestasi • Program Impak Tinggi Sekolah (PITS) • Ucapan Pengetua dalam perhimpunan • Paparan Hala Tuju Sekolah • Jadual Pemantauan Guru • Jadual Bertugas Mingguan • Jadual Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum

1.2 PGB SEBAGAI PEMBIMBING
(PGB bertindak sebagai pembimbing untuk meningkatkan kecekapan individu dan kualiti pengurusan sekolah)

ASPEK 1.2.1 PGB Sebagai Pembimbing
(PGB memberi bimbingan kepada guru dan AKP secara profesional dan terancang)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.2.1 PGB memberi bimbingan kepada guru dan AKP secara profesional dan terancang	i. memberi taklimat/ bengkel/ kursus/ ceramah	i. mengikut keperluan/ kesesuaian tugas/ perkembangan terkini	Ketidakkakuran langkah dalam 'Check' memerlukan tindakan susulan
	ii. memberi panduan/tunjuk ajar/ tunjuk cara/ nasihat/ penerangan	ii. secara jelas/berhemah iii. secara menyeluruh meliputi semua guru dan AKP	
	iii. memberi maklum balas berkaitan prestasi kerja	iv. dari semasa ke semasa/secara berkala	

ASPEK 1.2.2 PGB Sebagai Pembimbing
(PGB memberi bimbingan kepada barisan pemimpin yang diturun kuasa secara profesional dan terancang)

PLAN	DO	CHECK	ACTION
TUMS 1.2.2 PGB memberi bimbingan kepada barisan pemimpin yang diturun kuasa secara profesional dan terancang	i. memberi panduan/tunjuk ajar/ tunjuk cara/ nasihat/ penerangan	i. mengikut keperluan/ kesesuaian tugas/ perkembangan terkini	Ketidakkakuran langkah dalam 'Check' memerlukan tindakan susulan
